

Penjejakan Naskhah *Zahrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tawhid* Karya Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 020-029
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 28 Jun 2022
Accepted: 26 Ogos 2022
Published: 30 September 2022

[The Tracing of *Zahrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tawhid*'s Scripts, Works of Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani]

Mohd Zulkifli Talib¹ & Engku Ibrahim Engku Wok Zin^{1,2}

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: mohdzulkifli07@gmail.com

2 Research Institute for Islamic Products & Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: ibrahim@unisza.edu.my

Abstrak

Zahrah al-Murid merupakan karya akidah penting di Alam Melayu yang ditulis oleh seorang tokoh terkenal iaitu ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī. *Zahrah al-Murid* termasuk antara karya-karya akidah terawal di Alam Melayu iaitu pada tahun 1765 M. Perbahasannya berkaitan kalimah tauhid iaitu kalimah *Lā Ilāh Illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*. Walaupun begitu, *Zahrah al-Murid* kurang dikenali dalam masyarakat kerana perbahasannya banyak membabitkan ilmu alat seperti ilmu nahu, balaghah dan mantik. Ini menyebabkan *Zahrah al-Murid* jarang dijadikan teks pengajian di pusat-pusat pengajian. Kajian ini cuba menjejaki naskhah-naskhah *Zahrah al-Murid* sama ada naskhah salinan atau cetakan. Dalam pengumpulan data, pengkaji telah melakukan penjejakan secara fizikal dan maya ke atas institusi dan individu yang berkemungkinan menyimpan naskhah *Zahrah al-Murid*. Hasil penjejakan menemui sebanyak 16 naskhah *Zahrah al-Murid* iaitu 15 naskhah bertulisan tangan dan satu naskhah cetakan tersimpan di sembilan institusi dan seorang individu. Sepuluh naskhah merupakan naskhah lengkap manakala enam naskhah lagi tidak lengkap. Hanya empat naskhah ada mencatatkan nama penyalin dan satu naskhah nama pentashih. Ini menunjukkan *Zahrah al-Murid* pernah tersebar pada suatu ketika dahulu. Hasil penjejakan disimpulkan seperti dalam Jadual 1. Hasil kajian ini diharapkan dapat memasyhurkan kembali *Zahrah al-Murid* dalam masyarakat serta digunakan semula sebagai teks pengajian di pusat-pusat pengajian di Alam Melayu. Seterusnya, membantu para pengkaji dalam mendalami kajian berkenaan ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī dan *Zahrah al-Murid*.

Kata kunci: Penjejakan naskhah, *Zahrah al-Murid*, ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī, Kitab Jawi, Akidah.

Abstract

Zahrah al-Murid is one of important religious work in Malay World written by ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī, a notable figure. *Zahrah al-Murid* is one of the earliest works on Islamic theology in the Malay world, which was in 1765 AD. In *Zahrah al-Murid*, Abd al-Şamad al-Falimbānī debates about ‘Kalimah Tawhid’ that is *Lā Ilāh Illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*, indivisible oneness concept of monotheism in Islam. Unfortunately *Zahrah al-Murid* less known among the public since the discussion mainly about Classical Islamic Studies courses comprise both what is traditionally called auxiliary disciplines, such as grammar (*naḥw*), logic (*manṭiq*) and rhetoric (*balāghah*). This has lead to rarely used of *Zahrah al-Murid* as reference in the study institutions. This study is seek to trace any script

of *Zahrah al-Murīd* either copied or printed. While the process of gathering the datas, the researchers have done physical and virtual tracing on possible institutions and individuals that might have the copies of *Zahrah al-Murīd* scripts. As results, 16 scripts has been found, 15 handwritten scripts and a printed scripts were kept at nine institutions and by an individual. Ten of the scripts are complete scripts while the rest are partial. Name of copiyist were stated on four of the copies and only one stated the name of the reviser. This shown that *Zahrah al-Murīd* has widely used in the past. The tracking results are summarized as in Table 1. This research are expected to re-popularise *Zahrah al-Murīd* in the community and be reused as a study reference in learning institutions in Malay World. In addition, it will help researchers in understanding the studies about ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī and *Zahrah al-Murīd*.

Keywords: Script’s tracing, *Zahrah al-Murīd*, Abd al-Şamad al-Falimbānī, Jawi Books, Theology.

Cite This Article:

Mohd Zulkifli Talib & Engku Ibrahim Engku Wok Zin. (2022). Penjejakan Naskhah *Zahrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tawhid* Karya Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani [The Tracing of *Zahrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tawhid*’s Scripts, Works of Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 020-029.

Pengenalan

Umm al-Barāhīn karya Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī atau lebih dikenali sebagai Imam al-Sanūsī telah banyak mempengaruhi karya-karya akidah di Alam Melayu (Faizuri & Muhammad Hazim, 2018). Penyusunan akidah kepada sifat-sifat yang wajib diketahui iaitu 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil dan satu sifat yang harus menjadi keistimewaan *Umm al-Barāhīn* (Hisyam Abdul Rahim et.al, 2012). Selain itu, keistimewaan *Umm al-Barāhīn* ialah penyimpulan semua perbahasan akidah yang wajib dalam kalimah tauhid. Menurut Ahmad al-Suhaymi (1886), al-Sanūsī merupakan individu pertama yang menyimpulkan seluruh perbahasan akidah dalam kalimah tauhid.

Antara karya-karya di Alam Melayu yang terpengaruh dengan *Umm al-Barāhīn* ialah kitab *Bidāyah al-Hidāyah* (1757 M) karya Syeikh Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-‘Ashī, *al-Durr al-Thamīn* (1816 M) karya Syeikh Dawud al-Faṭānī, *Sirāj al-Hudā* (1885-1886M) karya Syeikh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambawī, *Zahrah al-Murīd fi ‘Aqā’id al-Tawhīd* (1892M) karya Syeikh Muḥammad ‘Alī bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Ghafūr Kutān al-Kalantanī, *‘Aqīdah al-Nājīn* (1890M) karya Syeikh Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī (Faizuri & Muhammad Hazim, 2018). Menurut Mohd Fakhruddin Abdul Mukti (2002), *Zahrah al-Murīd* merupakan salah sebuah karya akidah yang terpengaruh dengan penulisan *Umm al-Barāhīn*.

Latar Belakang *Zahrah al-Murīd*

Judul penuh *Zahrah al-Murīd* ialah *Zahrah Al-Murīd fi Bayān Kalimah Al-Tawhīd*. *Zahrah al-Murīd* merupakan sebuah kitab akidah peringkat pertengahan yang dikarang oleh ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī pada sekitar tahun 1765 M di Mekah. Kandungan *Zahrah al-Murīd* pada asalnya merupakan catatan ‘Abd al-Şamad al-Falimbānī daripada pengajian bersama Syeikh Aḥmad al-Damanhūrī. Kemudian, *Zahrah al-Murīd* ditulis semula dengan tambahan huraian

atas permintaan murid-murid beliau supaya catatan tersebut dijadikan sebuah kitab dalam bahasa Jawi (Al-Falimbānī, 1912).

Perbincangan utama dalam *Zahrah al-Murīd* ialah berkenaan kalimah tauhid (Al-Falimbānī, 1912). Menurut al-Sanūsī (2019), kalimah tauhid ialah kalimah *Lā Ilāh Illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*. Kalimah tauhid juga dikenali dengan nama *Kalimah al-Ikhlās*, *Kalimah al-Taqwā*, *Kalimah al-Ṭayyibah*, *Da'wah Al-Ḥaq*, *'Urwah Al-Wuthqā* dan *Thaman al-Jannah* (Al-Ghazālī, 2011). Al-Falimbānī menghuraikan makna yang terkandung dalam kalimah tauhid berdasarkan ilmu alat seperti ilmu nahu, balaghah dan mantik. Bagi meluaskan perbincangan, al-Falimbānī turut mendatangkan pelbagai pandangan dan perbincangan daripada para ulama.

Nama penuh pengarang *Zahrah al-Murīd* ialah Syeikh 'Abd al-Ṣamad bin 'Abd al-Rahmān bin 'Abd al-Jalīl al-Mahdanī bin 'Abd al-Wahhāb bin Aḥmad al-Falimbānī (Mohammed Hussain, 2017). Berdasarkan catatan *Fayḍ al-Iḥsānī* iaitu manaqib 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī yang ditulis oleh anak beliau iaitu Syeikhah Fāṭimah binti 'Abd al-Ṣamad, 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī dilahirkan pada 1737 M di Palembang dan syahid pada 1839 M semasa peperangan Kedah-Siam (1821-1842 M) (Mal An Abdullah, 2015).

Menurut Wan Mohd Shaghir (1996), kubur 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī terletak di antara Kampung Sekom dan Cenak termasuk dalam kawasan Tiba, iaitu di Utara Fathani. Maklumat ini diriwayatkan secara bersناد yang bersambung sehingga Syeikh 'Abd al-Qādir Bendang Daya bahawa 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī terbunuh di Cenak tetapi tidak diketahui di mana lokasi kuburnya secara tepat. Akan tetapi kubur beliau didakwa oleh seorang Siam berada tanah pemilikannya yang dikenali sejak turun temurun sebagai kubur Syeikh Mad yang dipancang dan dibawa kepalanya ke Bangkok. (Wan Mohd Shaghir, 2004). Kubur tersebut terletak di Kampung Ban Trap, Mukim Cenong, Daerah Cenak, Wilayah Singgora (Ahmad Fahmi Zamzam, 2019).

Penjejakan Naskhah

Dalam kajian filologi, proses penjejakan naskhah adalah penting bagi mengesan dan mendapatkan sebanyak mungkin naskhah (al-Munajjid, 1987). Penjejakan perlu dilakukan sebanyak mungkin ke institusi-institusi atau mana-mana individu yang berkemungkinan menyimpan naskhah-naskhah tersebut. Penjejakan naskhah secara fizikal dan maya dilakukan dalam menjejaki naskhah *Zahrah al-Murīd*.

Proses penjejakan *Zahrah al-Murīd* secara fizikal melibatkan institusi dan individu dalam Malaysia sahaja. Sebanyak enam buah institusi dilawati iaitu Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PKMM), Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Terengganu dan Khazanah Fathaniyah. Namun hanya tiga daripadanya ada menyimpan naskhah *Zahrah al-Murīd* iaitu di PKMM, MKIM dan Khazanah Fathaniyah.

Penjejakan secara maya pula melibatkan lapan buah institusi iaitu Perpustakaan Universiti Leiden, The British Library, Perpustakaan Negara Berlin, Perpustakaan Negara Perancis, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI), Khazanah Keagamaan Kementerian Agama Republik Indonesia, Masyarakat Pernaskhahan Nusantara (Manassa), Digital Repository of Endangered and Affected Manuscripts in Southeast Asia (DREAMSEA)

dan Pustaka Umariyah, Palembang. Namun hanya enam institusi yang menyimpan naskhah *Zahrah al-Murīd* iaitu The British Library, Perpustakaan Universiti Leiden, PNRI, Khazanah Keagamaan Kementerian Agama Republik Indonesia, DREAMSEA dan Pustaka Umariyah. Penjejakan secara maya menyukarkan proses mendapatkan naskhah asal dan salinan. Oleh yang demikian, kesemua naskhah dijumpai boleh diakses secara maya kecuali naskhah-naskhah dari Perpustakaan Universiti Leiden.

Penulis telah menemui 16 buah naskhah *Zahrah al-Murīd* hasil penjejakan yang dijalankan. 15 naskhah didapatkan dari institusi-institusi dan satu naskhah simpanan individu. 15 naskhah merupakan naskhah bertulisan tangan dan satu naskhah cetakan. Sepuluh naskhah merupakan naskhah lengkap manakala enam naskhah lagi tidak lengkap. 14 naskhah dapat diakses manakala dua naskhah lagi tidak dapat diakses. Enam naskhah dapat dikenalpasti nama penyalin atau pentashih manakala sepuluh naskhah lagi tidak dapat dikenalpasti.

Terdapat tiga naskhah *Zahrah al-Murīd* tersimpan di PKMM. Pertama, sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan MSS3360. Naskhah ini turut memuatkan sebuah lagi kitab yang tidak diketahui judul dan pengarangnya. Kitab tersebut membincangkan berkenaan kalimah tauhid dan topik-topik berkaitan dengannya. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan. Pada asalnya naskhah ini berada dalam koleksi Khazanah Fathaniyah. Kemudian naskhah ini diserahkan penjagaan dan pemilikan kepada PKMM. Oleh itu, naskhah ini pernah dimuatkan sebagai lampiran dalam Hidayatus Salikin Jilid 2 terbitan Khazanah Fathaniyah. Kedua, sebuah naskhah tidak lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan MSS4372. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan. Ketiga, sebuah naskhah tidak lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan MSS4510. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan.

Terdapat empat naskhah fizikal *Zahrah al-Murīd* tersimpan di MKIM. Pertama, sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan IAMM 1998.1.180. Penyakin naskhah ini ialah Muhammad Husayn Bin ‘Abd al-Latif al-Fathani atau lebih dikenali sebagai Tok Kelaba. Kedua, sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan IAMM 1998.1.622(f). Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan. Ketiga, sebuah naskhah tidak lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan IAMM 1998.1.268. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan. Keempat, sebuah naskhah tidak lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan IAMM 1998.1.643(a). Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan.

Terdapat satu naskhah fizikal *Zahrah al-Murīd* tersimpan di Khazanah Fathaniyah. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah lengkap versi cetakan. Naskhah ini ditashih oleh Idris bin Husayn al-Kalantani. Kerja-kerja mencetak naskhah ini diusahakan oleh Muḥammad Mājid al-Kurdī al-Makkī iaitu pemilik Maṭba’ah al-Taraqqī al-Mājidīyyah al-‘Uthmāniyyah di Mekah. Naskhah ini pada asalnya ditemui oleh Wan Mohd Shaghir di Kampung Kepala Bukit Senggora pada tahun 1992 (Wan Mohd Shaghir, 1996). Kemudian, naskhah ini diulang cetak dan dipasarkan semula oleh Khazanah Fathaniyah.

Terdapat dua naskhah digital tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden. Pertama, sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan Mal. 2522. Kedua, sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan Mal. 1918. Kedua-dua naskhah ini tidak dapat dikenalpasti nama penyalin kerana kedua-duanya tidak dapat diakses secara maya mahupun secara fizikal.

Terdapat satu naskhah digital *Zahrah al-Murīd* tersimpan di The British Library. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan EAP329/5/20. Naskhah ini memuatkan empat buah kitab. Pertama, sebuah naskhah mengenai zikir tarekat Syatariyyah yang tidak diketahui judulnya, kedua, *Shifā' al-Qulūb*, ketiga, *Risālah Bayān al-Tajallī* dan keempat, *Zahrah al-Murīd*. Penyalin naskhah ini ialah Teku Muhammad. Naskhah asalnya tersimpan di Meunasah Kruet Teumpeun Pidie, Indonesia.

Terdapat satu naskhah digital tersimpan di PNRI. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan NB 221. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan. Terdapat satu naskhah digital tersimpan di Khazanah Keagamaan Kementerian Agama Republik Indonesia. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan LKK_ACEH2015_MKR28. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan. Terdapat satu naskhah digital tersimpan di DREAMSEA. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah lengkap bertulisan tangan bernombor panggilan DS 0043 00008. Nama penyalin naskhah ini tidak dinyatakan.

Terdapat satu naskhah digital didapati di Pustaka Umariyah, Palembang. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah bertulisan tangan yang lengkap. Penyalin naskhah ini ialah Ḥusayn bin Abī Bakr bin Aḥmad Bā Shu'ayb. Naskhah ini turut dimuatkan dalam aplikasi *Manuskrip Negri Palembang* dibawah kelolaan Lembaga Kajian Naskhah Melayu. Terdapat satu naskhah fizikal tersimpan dalam simpanan Muhammad Daud Bengkulah iaitu seorang peneliti naskhah Koming & Melayu Kuno. Naskhah ini merupakan sebuah naskhah bertulisan tangan yang tidak lengkap. Penyalin naskhah ini ialah 'Āqib bin Ḥasan al-Dīn.

Hasil daripada penjejakan naskhah *Zahrah al-Murīd* boleh diteliti berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 1: Hasil penjejakan naskhah *Zahrah al-Murīd*

Institusi/ Individu	Jumlah	No. Panggilan	Penyalin/ Pentashih	Keadaan Naskhah
PKMM	3	MSS 3360	Tiada	Lengkap
		MSS 4510	Tiada	Tidak lengkap
		MSS 4372	Tiada	Tidak lengkap
MKIM	4	IAMM 1998.1.180	Tok Kelaba	Lengkap
		IAMM 1998.1.622(f)	Tiada	Lengkap
		IAMM 1998.1.268	Tiada	Tidak lengkap
		IAMM 1998.1.643(a)	Tiada	Tidak lengkap
Khazanah Fathaniyah	1	Tiada	Idrīs bin Ḥusayn al-Kalantānī	Lengkap
Leiden University Library	2	Mal. 2522	Tiada	Lengkap
		Mal. 1918	Tiada	Lengkap
The British Library	1	EAP329/5/20	Teku Muḥammad	Lengkap

PNRI	1	NB 221	Tiada	Lengkap
Khazanah Keagamaan Kementerian Agama Republik Indonesia	1	LKK_ACEH2015_M KR28	Tiada	Tidak lengkap
DREAMSEA	1	DS 0043 00008	Tiada	Lengkap
Pustaka Umariyah	1	Tiada	Ḥusayn bin Abī Bakr	Lengkap
Muhammad Daud Bengkulu	1	Tiada	‘Āqib bin Ḥasan al-Dīn	Tidak lengkap

Penyalin dan Pentashih Naskhah *Zahrah al-Murīd*

Istilah penyalin dan pentashih membawa makna yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, (2021), penyalin ialah orang yang menyalin, meniru sesuatu naskhah. Manakala tashih bererti pengesahan atau pengakuan benar sesuatu kitab. Tashih menurut Wan Mohd Shaghir (2002b) ialah memperbaiki kesalahan susunan huruf, menambah atau mengurangi serta memberi ulasan yang lebih panjang dan terperinci, tidak terikat lagi dengan karangan asli. Oleh yang demikian, pentashih membawa makna yang lebih khusus berbanding penyalin. Istilah pentashih diperkenalkan oleh Syeikh Wan Ahmad al-Fatānī berikutan anjuran beliau bahawa setiap kitab-kitab Jawi mestilah diteliti terlebih dahulu sebelum disebarkan (Wan Mohd Shaghir, 2002a).

Walaupun sebanyak 16 naskhah *Zahrah al-Murid* berjaya dijejaki, hanya lima naskhah mencatatkan nama penyalin atau pentashih iaitu empat penyalin dan satu pentashih. Nama-nama tersebut dikenalpasti daripada kolofon dan catatan tepi naskhah. Selebihnya tidak dinyatakan nama penyalin atau pentashih. Hal ini mungkin berlaku kerana kaedah asal penyalinan naskhah-naskhah disalin secara koleksi kemudian terpisah daripada koleksi asal atau dipisahkan untuk dikatalogkan sehingga tidak dapat dikenalpasti nama penyalin naskhah-naskhah tersebut. Sesebuah koleksi kebiasaannya mengandungi beberapa buah naskhah daripada berbagai judul. Kadangkala sesebuah koleksi disalin lebih daripada seorang individu. Oleh itu, bentuk dan susun atur tulisan yang konsisten menentukan sesebuah koleksi tersebut disalin oleh individu yang sama.

Selain itu, kemungkinan juga naskhah-naskhah tersebut sengaja tidak menyatakan nama penyalin. Hal ini berkait rapat dengan tradisi tidak menulis nama pengarang dan penyalin pada zaman lampau. Semasa era pemerintahan raja-raja Melayu, sesuatu penyalinan dilakukan atas arahan raja atau pembesar tertentu, maka penyalin berasa tidak berhak sama sekali untuk mencatatkan namanya (Siti Hawa Salleh, 2002).

Penyalin dan pentashih naskhah *Zahrah al-Murid* yang dimaksudkan ialah Muhammad Husayn bin ‘Abd al-Laṭīf al-Fatānī, Teku Muhammad, Ḥusayn bin Abī Bakr, ‘Āqib bin Ḥasan al-Dīn dan Idrīs bin Husayn al-Kalantanī. Kesemuanya dinyatakan pada kolofon naskhah *Zahrah al-Murid* kecuali Teku Muhammad yang dinyatakan pada kolofon naskhah tidak berjudul dalam koleksi yang sama.

Penyalin pertama ialah Muhammad Ḥusayn bin ‘Abd al-Laṭīf al-Faṭānī atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Kelaba merupakan seorang ulama berasal dari Kampung Kelaba Beris, Fathani. Nama penuh beliau ialah Muḥammad Ḥusayn bin ‘Abd al-Laṭīf bin ‘Abd al-Mu’min bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd Allāh bin Abū Bakr bin Sharīf Zayn al-‘Ābidīn Khurasan (Wan Mohd Shaghir, 2002b). Tok Kelaba dilahirkan pada 1863 M dan wafat pada hari Selasa, 29 Jun 1948 M ketika berusia 85 tahun (Abdul Ramea Sulong, 2013).

Tok Kelaba mendapat pendidikan awal di Pondok Bendang Daya Fathani dibawah didikan Syeikh ‘Abd al-Qādir bin Muṣṭafā al-Faṭānī. Kemudian Tok Kelaba melanjutkan pelajaran ke Mekah. Antara guru utama Tok Kelaba di Mekah ialah Syeikh Muḥammad Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī iaitu murid Syeikh Dawud bin ‘Abd Allāh al-Faṭānī. Syeikh Muḥammad Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī merupakan individu pertama membuat penyalinan kitab-kitab karangan Syeikh Dawud al-Faṭānī. Syeikh Muḥammad Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī turut mengamanahkan Tok Kelaba menjadi penyalin kitab-kitab Jawi sehingga beliau menjadi individu yang paling banyak menyalin kitab-kitab Jawi. (Wan Mohd Shaghir, 2002a)

Tok Kelaba juga turut menghasilkan sekurang-kurangnya sembilan buah karangan dalam Bahasa Arab dan bahasa Melayu iaitu *Muqaddimah al-Atfāl fī Ṣifāt Allāh Dhā al-Jalāl* (1887 M), *Risālah al-Taṣawwuf* (1889 M), *Hidāyah al-Sayl fī Bayān al-Masāil* (1894 M), *Sharāb al-Wāṣilīn al-Muflīhīn al-Maqbūlīn* (1896 M), *Dalāil al-Niyyah fī al-Ṣalāh wa Ghayrihā wa Maḥallihā* (1917 M), *Jam’ al-Risālah fī Daqāiq al-Jawābāt wa al-Suālāt* (1917 M), *Mulayyinah al-Qulūb ilā al-Tadhakkur ‘Allām al-Ghuyūb* (1922 M), *Terjemah Qasīdah Rijāl al-Ghayb* (1935 M) dan *Hadāiq al-Ṣalawāt fī al-Khalawāt wa al-Jalawāt* (Wan Mohd Shaghir, 2002a).

Penyalin kedua ialah Teku Muḥammad. Penulis tidak dapat mengenalpasti latar belakang beliau. Namun, beliau dipercayai berasal dari Aceh berdasarkan gelaran Teku yang digunakan. Teku atau teuku merupakan gelaran yang diberikan kepada bangsawan (Bukhari Daud & Mark Durie, 1999). Penyalinan naskhah ini dijalankan semasa zaman pemerintahan Sultan ‘Alā’ al-Dīn Aḥmad Shah iaitu sultan Aceh ke-23. Oleh itu, maklumat ini menguatkan lagi fakta bahawa Teku Muḥammad berasal dari Aceh.

Penyalin ketiga ialah Husayn bin Abī Bakr bin Aḥmad Bā Shu’ayb. Penulis tidak dapat mengenalpasti latar belakang beliau. Namun, gelaran Bā biasa digunakan oleh masyarakat Yaman sebagai ringkasan bagi perkataan banī yang bermaksud keturunan. Bā Shu’ayb merupakan sebuah kabilah yang berasal dari Hadramaut yang menisbahkan diri mereka kepada keturunan golongan ansār (‘Abd al-Raḥmān al-Anṣārī, 1970). Berdasarkan maklumat ini, Ḥusayn bin Abī Bakr bin Aḥmad Bā Shu’ayb dipercayai merupakan seorang berketurunan Yaman.

Penyalin keempat ialah ‘Āqib bin Ḥasan al-Dīn. Beliau merupakan seorang ulama yang berasal dari Palembang. Nama penuh beliau ialah Muḥammad ‘Āqib bin Ḥasan al-Dīn bin Ja’far bin Muḥammad bin Badr al-Dīn al-Falimbānī (Wan Mohd Shaghir, 1996). Beliau dilahirkan pada 1736 M dan wafat pada 1818 M di Palembang (Syahrawi, 2015).

Muḥammad ‘Āqib bin Ḥasan al-Dīn mendapat pendidikan di Hijaz daripada para ulama disana. Antara guru-guru beliau ialah Ṭayyib bin Ja’far al-Falimbānī, Ḥasan al-Dīn bin Ja’far, Sālīh bin Ḥasan al-Dīn al-Falimbānī, ‘Abd Allāh bin Sālīm al-Baṣrī, Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī al-Madanī, Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān al-Jabartī, Muḥammad Sa’īd Sunbul, ‘Abd al-Raḥmān bin Aḥmad al-Nakhli, Shams bin Aqīlah, Muḥammad bin Sulṭān al-Walidī,

Muhammad ibn Hasan al-Ujaymī, ‘Abd al-Ḥafīz bin Darwisy al-Ujaymī dan Muhammad ‘Abd al-Karīm al-Sammān (Dzulkifli Hadi, 2018).

Berdasarkan catatan Yasin al-Fadānī dalam karya-karya beliau, hampir semua ilmu ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī belajar daripada Muhammad ‘Āqib bin Hasan al-Dīn (Wan Mohd Shaghir, 1996). Namun, berdasarkan catatan Muhammad Azharī al-Falimbānī dalam kitabnya berjudul *‘Aqīdah al-Īmān*, beliau mengambil talqin zikir daripada Syeikh ‘Abd Allah bin Ma’rūf al-Falimbānī daripada Syeikh Muhammad ‘Āqib bin Hasan al-Dīn al-Falimbānī daripada ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī daripada Muhammad al-Sammānī al-Madanī (Arafah Pramasto, 2020). Ini menunjukkan Muhammad ‘Āqib bin Hasan al-Dīn bukan sahaja guru bahkan juga murid kepada ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī. Fakta ini disokong lagi dengan kewujudan naskhah *Zahrah al-Murīd* salinan Muhammad ‘Āqib bin Hasan al-Dīn yang menunjukkan beliau turut belajar daripada ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī.

Individu kelima iaitu pentashih naskhah *Zahrah al-Murīd* ialah Idris bin Husayn al-Kalantanī. Beliau merupakan seorang ulama berasal dari Kelantan. Penulis tidak menemui banyak maklumat mengenai latar belakang beliau, tetapi dapat dipastikan beliau pernah belajar kepada Syeikh Wan Ahmad al-Faṭānī sehingga menjadi murid kanan kepada Syeikh Wan Ahmad al-Faṭānī.

Pada tahun 1882 M, Syeikh Wan Ahmad al-Faṭānī dilantik menjadi Ketua Tashih Maṭba’ah al-Miriyyah, Mekah. Beliau telah membahagikan tugas pentashihan kepada beberapa bahagian. Bahagian Bahasa Melayu Jawi ditugaskan kepada Syeikh Dawud bin Ismāil al-Faṭānī dan Syeikh Idrīs bin Husayn al-Kalantanī (Wan Mohd Shaghir, 2019a). Kedua-duanya berjaya mengkaderkan beberapa orang pelapis pentashih baru seperti Syeikh Ibrāhīm bin ‘Abd Allāh Langgar al-Qadahī (Wan Mohd Shaghir, 2019b).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, *Zahrah al-Murīd* merupakan sebuah kitab karangan ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī yang cukup penting. Hasil penjejakan naskhah di institusi-institusi dan individu-individu mendapati wujud sekitar 16 naskhah iaitu 15 naskhah bertulisan tangan dan satu naskhah cetakan *Zahrah al-Murīd*. Naskhah-naskhah tersebut mencakupi naskhah-naskhah yang berada dalam negara dan luar negara. Hal ini menunjukkan kitab ini pernah tersebar luas melalui usaha penyalinan dan pencetakan para generasi terdahulu. Walaupun begitu, semua naskhah *Zahrah al-Murīd* yang berhasil dijejaki tidak meliputi seluruh naskhah yang mungkin masih ada dalam simpanan mana-mana institusi atau individu. Usaha menjejaki naskhah-naskhah ini memerlukan usaha dan kos yang tinggi.

Kajian ini menjadi suatu langkah menonjolkan sumbangan ulama Alam Melayu seperti ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī dalam bidang pendidikan sama ada melalui karya mereka sendiri mahupun hasil terjemahan atau syarahan daripada karya lain. Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat memasyhurkan kembali *Zahrah al-Murīd* dalam kalangan masyarakat serta digunakan semula sebagai teks pengajian di pusat-pusat pengajian di Alam Melayu. Seterusnya, membantu para pengkaji dalam mendalami kajian berkenaan ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī dan *Zahrah al-Murīd*.

Rujukan

- Abdul Ramea Sulong, 2013. Pemikiran Turki Uthmaniyah Menurut Syeikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Bukunya Hadīqat Al-Azhār Wa Al-Rayāhīn Abdul-Ramae Sulong. Ph.D Thesis, Universiti Sains Malaysia, Pengajian Sejarah dan Tamadun Asia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Ahmad al-Suhaymi. 1886. *Kitab al-Muqtaḍī bi Sharh al-Hudhudī*. Mekah: Maktabah al-Mīriyyah.
- Ahmad Fahmi Zamzam. 2019. *Hidayatus Salikin fi Suluki Maslakil Muttaqin*. Selangor: Galeri Ilmu.
- al-Anṣārī, ‘Abd al-Raḥmān. 1970. *Tuḥfah al-Muḥibbīn wa al-Aṣḥāb fi Ma’rifah mā li al-Madaniyyīn min al-Ansāb*. Tunisia: Maktabah al-‘Atiqah.
- Arafah Pramasto. 2020. Kontribusi Syaikh Abdus Shamad Al-Palimbani pada Aspek Intelektual Islam di Nusantara Abad ke-18. *Jurnal Tsaqofah & Tarikh*, 4(2): 95-108.
- Bukhari Daud & Mark Durie. 1999. Kamus Bahasa Aceh: Acehnese-Indonesian-English Thesaurus. Australia: Pacific Linguistics Research School of Pacific and Asian Studies The Australian National University.
- Dzul kifli Hadi. 2018. The Intellectual Network of Syeikh Abdusshamad Al-Falimbani and His Contribution in Grounding Islam in Indonesian Archipelago at 18th Century. *Jurnal Millah* 18 (1): 31-50.
- Faizuri & Muhammad Hazim. 2018. Pengaruh Umm al-Barahin Karya al-Sanusi terhadap Bakurah al-Amani Karya Wan Ismail al-Fatani, *Jurnal Afkar* 20(2): 93-126.
- al-Falimbānī, Abd al-Ṣamad al-Falimbānī. 1912. *Zahrah Al-Murīd fi Bayān Kalimah Al-Tawḥīd*. Mekah: Maṭba’ah al-Taraqqī al-Mājidyyah al-‘Uthmāniyyah.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid al-Ghazālī . 2011. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn Jil. 2*. Jedah: Dār al-Minhāj.
- Hisyam Abdul Rahim, Mikdar Rusdi, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. 2012. Umm Al-Barahin And Its Relation With Malay Jawi Books, *Journal of Techno-Social* 4(2): 67-73.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mal An Abdullah. 2015. *Syaikh Abdus-Ṣamad Al-Palimbani: Biografi dan Warisan Keilmuan*. Jakarta: Pustaka Pesantren.
- Mohammed Hussain. 2017. *Islam in The Malay World A al-Falimbānī’s Scholarship*. Gombak: IIUM Press.
- Mohd Fakhrudin Abdul Mukti. 2002. The Background Of Malay Kalam With Special Reference To The Issue of The Sifat of Allah. *Jurnal Afkar* 3(1): 1-32.
- al-Munajjid, Ṣalāḥ al-Dīn al-Munajjid. 1987. *Qawā’id Tahqīq al-Makḥūṭāt*. Beirut : Dar al-Kutub al-Jadīd
- al-Sanūsī. Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī 2019. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣuḡhrā*. Damsyik: Dār al-Taqwā.
- Siti Hawa Salleh. 2002. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syahrawi, 2015. Etika Guru dan Murid Perspektif Syaikh Abdussamad Al-Falimbani dan Syaikh Muhammad Athiyyah Al-Abrasy. M.A Thesis. Universitas Islam Negeri Pangeran Antasari Banjarmasin, Indonesia.

- Wan Mohd Shaghir. 1996. *Syeikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir. 2002a. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jil. 4*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir. 2002b. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jil. 5*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir. 2004. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jil. 6*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir. 2019a. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jil. 2*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir. 2019b. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jil. 1*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.